Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2023

RISIKO PASARAN

Pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun keadaan pasaran global tidak menentu

Pada separuh kedua tahun 2023, bank-bank pusat ekonomi utama menghentikan atau memperlahankan kenaikan kadar dasar, yang memberikan petanda bahawa perubahan dasar monetari negara masing-masing semakin hampir. Walaupun perkembangan ini memberikan sedikit sokongan terhadap pasaran kewangan global, volatiliti masih kekal tinggi disebabkan oleh jangkaan yang berubah-ubah mengenai masa dan magnitud pengurangan kadar dasar. Kebimbangan yang meningkat berhubung dengan ketegangan geopolitik yang semakin meruncing sejak bulan Oktober 2023 menyebabkan permintaan terhadap mata wang selamat seperti dolar Amerika Syarikat (AS) semakin tinggi. Di samping itu, data yang dikeluarkan berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan daripada jangkaan telah menjejaskan sentimen pelabur terhadap rantau ini.

Pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun pasaran global tidak menentu. Tekanan pasaran domestik, seperti yang diukur oleh Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) (Rajah 1.1), meningkat pada bulan Oktober dan November. Keadaan ini sebahagian besarnya didorong oleh volatiliti yang lebih tinggi yang diperhatikan dalam pasaran ekuiti dan pertukaran asing (*foreign exchange*, FX). Tekanan pasaran kemudiannya menyusut pada bulan Disember ketika jangkaan yang semakin meningkat terhadap pengurangan Federal Funds Rate (FFR) susulan pengumuman mengenai unjuran haluan kadar dasar oleh Federal Open Market Committee (FOMC) dan jangkaan terhadap ekonomi AS untuk mencapai pemulihan bertahap (*soft landing*).

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2023 secara keseluruhan, pelabur bukan pemastautin merupakan penjual bersih dalam pasaran ekuiti domestik (aliran keluar bersih sebanyak RM2.3 bilion) (Rajah 1.2), sejajar dengan trend serantau (Malaysia: -USD0.5 bilion; purata serantau:[1] -USD2.2 bilion). Walau bagaimanapun, aliran pelabur bukan pemastautin ke dalam pasaran ekuiti berubah menjadi positif sejak bulan November 2023 dan berterusan sehingga tahun 2024 (sejak awal tahun sehingga kini).[2] Keadaan ini disokong terutamanya oleh sentimen positif sekitar pengumuman pelan induk nasional dan zon ekonomi khas.[3] Permintaan yang lebih tinggi bagi tanah perindustrian dan tapak pusat data, serta pelancaran projek infrastruktur awam yang besar seperti Pan Borneo Sabah Fasa 1B, Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas dan Sabah-Sarawak Link Road meningkatkan lagi prestasi saham sektor pembinaan. Sementara itu, jangkaan permintaan tenaga yang meningkat dari tapak pusat data dan jangkaan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR) membantu merangsang sektor utiliti. Keuntungan turut dicatatkan

[1] Negara serantau terdiri daripada Thailand, Filipina dan Indonesia.
[2] Semua data bahagian Risiko Pasaran adalah setakat 29 Februari 2024, kecuali dinyatakan sebaliknya.
[3] Hal ini termasuklah Pelan Induk Perindustrian Baharu (New Industrial Masterplan, NIMP) 2030 dan NETR, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura serta projek infrastruktur utama seperti Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas.

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg

dalam sektor pengangkutan, terutamanya sektor penerbangan, didorong sebahagiannya oleh jangkaan peningkatan pelancongan berikutan pengumuman perjalanan tanpa visa antara negara Malaysia dan China, India dan Timur Tengah.

Pelabur institusi domestik[4] kekal sebagai pembeli bersih ekuiti domestik (Oktober 2023–Februari 2024: +RM0.2 bilion; Oktober 2022–Februari 2023: +RM3 bilion). Walaupun nilai yang didagangkan oleh pelabur runcit sebagai sebahagian daripada jumlah nilai yang diniagakan di Bursa Malaysia telah menurun dari paras tertinggi yang dicatatkan sewaktu pandemik (Ogos 2020 (tahap tertinggi): 40.3%), penyertaan pelabur runcit (purata Oktober 2023–Februari 2024: 24.9%) kekal melebihi paras purata sebelum pandemik (purata 2015–19: 18.5%). Peningkatan pembelian kumulatif bersih oleh pelabur runcit sejak tahun 2018 (2018–24 (sejak awal tahun sehingga kini): +RM33.3 bilion) sebahagian besarnya didorong oleh pencarian pulangan yang lebih tinggi ketika persekitaran kadar faedah yang rendah. Trend terkini selepas faktor-faktor yang berkaitan dengan pandemik reda, menunjukkan bahawa penyertaan pelabur runcit dalam pasaran ekuiti domestik mungkin kekal pada tahap yang lebih tinggi daripada yang diperhatikan sebelum pandemik. Hal ini dijangka tidak meninggalkan kesan ketara terhadap daya tahan isi rumah secara keseluruhan susulan dedahan terhadap pergerakan harga ekuiti kerana sebahagian besar peningkatan dalam pembelian saham tersenarai (*quoted shares*) tidak dibiayai oleh hutang. Pinjaman isi rumah untuk membeli saham tersenarai kekal rendah dan stabil pada kadar 0.5% daripada pinjaman sistem perbankan.

[4] Pelabur institusi domestik termasuk bank, institusi kewangan bukan bank (IKBB) serta penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO).

Aliran pelabur bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan terus dipengaruhi sebahagian besarnya oleh faktor luaran

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun menyusut sebanyak 12 mata asas (Rajah 1.3) sejak akhir September 2023, sejajar dengan trend serantau (purata serantau:[5] -40 mata asas). Perbezaan kadar hasil antara MGS 10 tahun dengan US Treasuries (UST) 10 tahun menguncup sehingga -39 mata asas (akhir bulan September 2023: -59 mata asas; purata 2022: +113 mata asas) akibat penurunan mendadak kadar hasil UST (perubahan sejak akhir bulan September 2023: -32 mata asas) berdasarkan jangkaan penurunan FFR. Mudah tunai pasaran kekal kukuh dengan permintaan berterusan terhadap bon kerajaan di pasaran utama, seperti yang terbukti oleh purata nisbah bida kepada perlindungan (*bid-to-cover ratio*) yang mampan sebanyak 2.5 kali antara bulan Oktober 2023 hingga Februari 2024 (purata 2022: 2.2 kali). Sementara itu, dalam pasaran sekunder, jumlah dagangan harian bagi bon kerajaan mencecah purata RM3 bilion antara bulan Oktober 2023 hingga Februari 2024 (purata 2022: RM2.6 bilion).

Secara keseluruhan pada tahun 2023, pasaran bon kerajaan domestik mencatatkan aliran masuk pelabur bukan pemastautin (+RM27.4 bilion; 2022: -RM7.8 bilion), dengan aliran masuk yang besar (+RM31.9 bilion) dalam tempoh tujuh bulan pertama. Hal ini berikutan sentimen pelabur yang positif susulan pembaharuan fiskal dan prospek makroekonomi dalam negeri yang menggalakkan serta kadar hasil lindung nilai mata wang (*currency-hedged yields*) yang menarik.[6] Aliran pelabur bukan pemastautin bertukar negatif dari bulan Ogos 2023 dan berlarutan sehingga tahun 2024, didorong sebahagiannya oleh pulangan kadar hasil lindung nilai mata wang (*currency-hedged returns*) bon kerajaan domestik yang lebih rendah. Aliran keluar ini juga konsisten dengan ekonomi serantau lain. Kesannya, bahagian pegangan pelabur bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan menyusut sedikit kepada 21.8% (akhir bulan September 2023: 23%; purata 2022: 23.8%).

[5] Negara serantau terdiri daripada Singapura, Thailand dan Indonesia.

[6] Daripada perspektif pelabur bukan pemastautin, hal ini merujuk pulangan daripada pegangan bon dalam denominasi mata wang asing (contohnya MGS), iaitu risiko mata wang yang dilindung nilai kembali kepada mata wang asal pelabur (contohnya dolar AS). Sebagai contoh, pada tahun 2023, anggaran kadar hasil lindung nilai mata wang daripada pemegangan MGS 3 tahun yang dilindung nilai menggunakan kontrak hadapan pertukaran asing (FX) USDMYR 3 bulan boleh mencecah hingga 6.5% pada asas tahunan.

Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Kerajaan Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Kerajaan Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pelabur institusi domestik kekal aktif dalam pasaran bon kerajaan (2023: +RM90.4 bilion; 2022: +RM56.7 bilion), didorong oleh kesanggupan berterusan untuk melabur dalam bon kerajaan berikutan jangkaan pasaran bahawa kadar hasil telah mencapai tahap tertinggi. Kesanggupan pelabur institusi domestik yang mampan ini terus menyokong keadaan pasaran yang cair dan teratur.

Keadaan pembiayaan pasaran bon korporat bagi perniagaan terus bertambah baik. Spread kredit antara kertas bertaraf AAA 10 tahun dengan MGS 10 tahun kian mengecil (purata Oktober 2023–Februari 2024: 31.3 mata asas; purata Oktober 2022–Februari 2023: 58.8 mata asas). Hal ini mencerminkan minat yang berterusan oleh pelabur yang mencari hasil. Terbitan bon korporat kasar berjumlah RM46 bilion antara bulan September 2023 hingga Januari 2024 (September 2022–Januari 2023: RM82.7 bilion).[7] Terbitan kekal tertumpu pada kertas berkualiti tinggi. Pada akhir tahun 2023, hampir 80% daripada bon korporat terkumpul diberikan penarafan AA dan ke atas, dengan kertas AAA dan sekuriti jaminan kerajaan (*government-guaranteed*, GG)[8] mencakupi lebih daripada separuh bon korporat terkumpul.

Jumlah mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan, iaitu antara RM115 bilion hingga RM144 bilion antara bulan Oktober 2023 hingga Februari 2024 (purata: RM129 bilion). Selaras dengan trend bermusim yang lepas, kadar antara bank meningkat pada suku keempat tahun 2023 (kadar antara bank 3 bulan: +12 mata asas). Walau bagaimanapun, tahap kenaikan kadar ini agak rendah dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya berikutan jangkaan bahawa kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) telah mencapai tahap tertinggi. Persaingan deposit yang kurang sengit pada tahun 2023 juga menyumbang kepada tahap kenaikan kadar yang lebih rendah susulan amalan mencari kadar oleh institusi korporat telah berkurang. Trend kenaikan kadar antara bank jangka panjang seterusnya berkurang dan kekal stabil secara amnya sejak bulan Januari 2024.

Antara bulan Oktober 2023 hingga Februari 2024, nilai ringgit menurun sebanyak 1% berbanding dengan dolar AS kepada 4.7428. Menjelang akhir tahun 2023, nilai ringgit mengukuh berikutan peningkatan sentimen pelabur terhadap mata wang pasaran sedang pesat membangun, dalam keadaan kadar faedah di ekonomi maju menunjukkan tanda hampir mencapai tahap tertinggi. Walau bagaimanapun, sejak awal tahun 2024, nilai ringgit menurun sebanyak 1.8% berbanding dengan dolar AS,[9] sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau. Hal ini didorong terutamanya oleh kekukuhan dolar AS yang meluas kerana pasaran mengurangkan jangkaan terhadap pengurangan FFR serta ketidaktentuan prospek pertumbuhan global.

Jumlah dagangan dalam negeri harian berpurata pada USD15.4 bilion pada tahun 2024 (2023: USD15.6 bilion). Volatiliti ringgit telah meningkat sedikit sejak permulaan tahun (purata sejak awal tahun 2024 sehingga kini: 5.2%) seiring dengan wang serantau, dan kekal tinggi berbanding paras yang dicatatkan pada beberapa tahun kebelakangan (purata 2022: 4.5%; purata 2021–23: 4.7%).

Ringgit pada masa ini masih berada di bawah nilai saksama dan tidak mencerminkan asas dan prospek ekonomi Malaysia yang positif. Pasaran kewangan terus menjangkakan ringgit didagangkan dengan lebih kukuh seiring dengan tekanan dari faktor luaran yang berkurang. Tindakan terselaras oleh pihak Kerajaan, BNM, syarikat berkaitan kerajaan (*government-linked companies*, GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (*government-linked investment companies*, GLIC) untuk meningkatkan aliran dalam pasaran FX secara lebih mampan telah membantu mengekalkan keadaan yang teratur dan sokongan untuk ringgit, serta menggalakkan pendapatan pelaburan asing dibawa balik (*repatriation*) dan ditukarkan secara lebih konsisten oleh syarikat korporat dan pelabur lain. Dalam jangka masa sederhana, pembaharuan struktur yang berterusan oleh Kerajaan yang meningkatkan produktiviti dan daya saing Malaysia akan memberikan sokongan yang lebih kukuh kepada ringgit.

[7] Tahap yang lebih tinggi pada tahun 2022 sebahagian besarnya didorong oleh terbitan yang besar oleh pengendali jalan tol utama pada bulan Disember 2022 (RM25.2 bilion).

[8] Setakat akhir tahun 2023, sekuriti GG menyumbangkan hampir 30% daripada bon korporat terkumpul.

[9] Data setakat 12 Mac 2024.

Turun Naik Mata Wang: Saluran kepada Kestabilan Kewangan

Turun naik mata wang dapat memberikan kesan terhadap sistem kewangan melalui pelbagai saluran. Pertama, pergerakan negatif dalam kadar pertukaran ringgit boleh meningkatkan obligasi hutang luar negeri syarikat korporat dalam nilai ringgit. Keadaan ini seterusnya meningkatkan paras keseluruhan keberhutangan dan pembayaran balik hutang bagi syarikat korporat ini yang boleh mendedahkan bank-bank kepada risiko kredit yang lebih tinggi. Kos bayaran balik hutang dalam mata wang asing (*foreign currency,* FCY) yang lebih tinggi juga boleh menyukarkan syarikat korporat untuk mendapatkan pembiayaan baharu, lantas menjejaskan pertumbuhan pinjaman. Namun, meskipun terdapat pergerakan dalam ringgit, bahagian hutang dalam FCY syarikat bukan kewangan meningkat sedikit sahaja melebihi paras yang pernah dicatatkan baru-baru ini kepada 27.9% daripada jumlah hutang perniagaan (Jun 2023: 27.8%; purata 2015–19: 26.6%). Kebanyakan dedahan hutang luar negeri ini (71%) mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun. Hal ini mengurangkan risiko pelanjutan (*rollover risk*), iaitu risiko pihak rakan niaga tidak sanggup melanjutkan pinjaman tersebut apabila pinjaman tersebut tamat tempohnya. Selain itu, sebahagian besar hutang luar negeri syarikat korporat dilindung nilai (*hedged*), sama ada dari segi kewangan atau secara semula jadi. Hal ini mengehadkan risiko pertukaran asing (*foreign exchange*, FX) yang timbul akibat ketidakpadanan mata wang. Sekitar 22% daripada pinjaman luar negeri syarikat besar yang dikawal oleh pemastautin tidak dilindung nilai (bersamaan dengan hanya 1.8% daripada jumlah hutang perniagaan) dan mungkin terdedah kepada volatiliti kadar pertukaran. Walau bagaimanapun, peminjam-peminjam ini hanya mempunyai pinjaman domestik yang sedikit (kurang daripada 0.5% daripada jumlah pinjaman perbankan domestik). Hal ini mengurangkan risiko kredit kepada bank-bank dengan ketara. Satu lagi saluran yang menjejaskan perniagaan ialah melalui peningkatan harga import yang boleh menyebabkan peningkatan kos input. Keadaan ini boleh menjejaskan keberuntungan perniagaan, dan seterusnya keupayaan perniagaan untuk membayar balik hutang, terutamanya jika perniagaan tidak dapat atau tidak mahu menyalurkan kenaikan kos kepada pelanggan. Hal ini berkemungkinan lebih menjejaskan perniagaan dalam sektor perkilangan, pembinaan dan pertanian kerana sektor-sektor ini lebih bergantung kepada bahan import. Setakat akhir tahun 2023, pinjaman sektor-sektor ini mencakupi 11.8% daripada jumlah pinjaman perbankan domestik.

Dedahan pinjaman dalam FCY oleh isi rumah adalah rendah, iaitu 0.4% daripada jumlah pinjaman isi rumah dalam sistem perbankan. Sebahagian besar (72%) daripada akaun pinjaman FCY ini dikaitkan dengan peminjam berpendapatan tinggi, iaitu pendapatan bulanannya sebanyak RM10,000 dan ke atas. Mereka ini mempunyai penampan kewangan yang lebih besar untuk meneruskan bayaran balik pinjaman. Oleh itu, keseluruhan keberhutangan dan keupayaan membayar balik hutang isi rumah tidak terjejas secara langsung oleh nilai ringgit yang lebih lemah. Walau bagaimanapun, memandangkan perubahan dalam kadar pertukaran akan memberikan kesan terhadap kos barangan dan perkhidmatan dalam negeri, ringgit yang lebih lemah boleh menyebabkan kenaikan harga dan kos sara hidup, terutamanya perbelanjaan untuk barangan pengguna tertentu seperti makanan[10] yang lebih sensitif terhadap turun naik kadar pertukaran. Hal ini seterusnya akan mengurangkan penampan isi rumah dan menjejaskan keupayaan membayar balik hutang jika isi rumah tidak berupaya menyesuaikan perbelanjaan dan/atau mengurangkan kesan kenaikan harga yang lebih tinggi berbanding dengan pendapatan semasa atau masa depan.

Kesan agregat daripada kenaikan kos yang menjejaskan isi rumah dan perniagaan terhadap kualiti aset bank-bank dijangka terus terkawal disebabkan oleh paras pinjaman terjejas semasa yang rendah (nisbah pinjaman terjejas kasar, Disember 2023: 1.6%; Jun 2023: 1.7%). Hal ini disokong oleh perkembangan pasaran pekerja yang menggalakkan dan prospek ekonomi yang semakin baik. Sejajar dengan hal itu, bahagian keseluruhan syarikat yang berisiko, termasuk syarikat yang lebih terdedah kepada kenaikan harga import, terus menunjukkan trend yang menurun, meskipun masih kekal melebihi paras purata sebelum pandemik. Bahagian pinjaman isi rumah yang dikelaskan sebagai Tahap 2 (dikenal pasti sebagai mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi) juga kekal rendah (rujuk bahagian 'Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2023 – Risiko Kredit' untuk maklumat lanjut).

Bank-bank juga mungkin mengalami obligasi membayar balik hutang dalam FCY yang lebih tinggi berikutan pergerakan negatif dalam kadar pertukaran ringgit. Pada masa ini, hutang luar negeri bank-bank tempatan kekal terurus pada 8.3% daripada jumlah pendanaan sistem perbankan. Keadaan ini menunjukkan tahap pergantungan pada hutang luar negeri

[10] Rujuk rencana 'Meninjau Semula Kesan Pindahan Kadar Pertukaran Ringgit terhadap Inflasi di Malaysia' dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2022 untuk maklumat lanjut.

yang rendah untuk membiayai operasi mereka dalam mata wang ringgit. Pembayaran faedah bagi dedahan seperti itu adalah tidak ketara, dengan perbelanjaan faedah bank-bank untuk hutang luar negeri dalam FCY merangkumi 4.6% daripada keseluruhan perbelanjaan faedah mereka. Bank-bank juga terus mengekalkan aset mudah tunai dalam FCY yang agak besar untuk membantu menampung kesan pergerakan kadar pertukaran mata wang dua hala.

Bank-bank juga terdedah pada risiko FX melalui peruntukan produk yang berkaitan FCY kepada pelanggan mereka, seperti menyediakan pinjaman dan menerima deposit dalam FCY. Lazimnya, kebanyakan risiko FX ini dipindahkan kepada pelanggan atau dilindung nilai, manakala sebahagian lagi disimpan, bergantung pada pandangan bank masing-masing tentang pergerakan FX. Bagi risiko FX yang disimpan, bank-bank mungkin mengalami keuntungan atau kerugian penilaian FX, bergantung sama ada mereka berada dalam kedudukan terbuka FCY panjang bersih atau pendek bersih. Bank-bank yang mempunyai kedudukan terbuka FCY pendek bersih akan mengalami kerugian penilaian apabila ringgit menurun nilai, yang seterusnya boleh memberikan kesan terhadap perolehan. Walau bagaimanapun, risiko sedemikian kekal terhad kerana kedudukan FX bank-bank lazimnya dilindung nilai. Hal ini dibuktikan oleh kedudukan terbuka bersih pertukaran asing (*foreign exchange net open position*, FX NOP) bank-bank daripada operasi domestik yang kekal terurus pada 3.9% daripada jumlah modal bank-bank. Keadaan ini mencerminkan kesanggupan yang rendah oleh bank-bank untuk mengambil risiko bagi dedahan yang tidak dilindungi. Hal ini seterusnya mengehadkan lagi risiko mudah tunai dalam FCY daripada pergerakan ringgit.

Satu lagi saluran ialah melalui institusi kewangan bukan bank (IKBB), seperti dana pencen dan pelabur institusi domestik lain yang mempunyai dedahan aset di luar negara berbanding dengan liabiliti yang kebanyakannya dalam mata wang ringgit. Sesetengah IKBB domestik ini mengembangkan pelaburan di luar negara sebagai sebahagian daripada strategi pelaburan untuk mempelbagaikan dan meningkatkan pulangan. Dalam situasi sebegini, penilaian aset asing yang lebih tinggi berikutan ringgit yang semakin lemah akan meningkatkan pulangan pelaburan. Namun, IKBB ini lazimnya akan melindung nilai sebahagian dedahan FCY mereka, yang mengehadkan volatiliti dalam keuntungan dan kerugian yang disebabkan pergerakan mata wang yang melampau (lihat juga rencana bertajuk 'Risiko Penularan daripada Aktiviti Institusi Kewangan Bukan Bank' untuk penilaian sektor IKBB di Malaysia dan saluran penularan yang berpotensi dalam sistem perbankan).

Akhirnya, kadar pertukaran yang semakin lemah secara berlebihan boleh menjejaskan keyakinan dan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan domestik. Meskipun nilai ringgit menurun baru-baru ini, keadaan pasaran domestik kekal berdaya tahan, disokong oleh pengantaraan aliran dua hala yang lancar dalam pasaran (rujuk bahagian 'Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2023 – Risiko Pasaran' untuk maklumat lanjut). Penarafan kredit dan prospek kerajaan Malaysia kekal stabil. Kebanyakan bon kerajaan adalah dalam denominasi ringgit. Bon kerajaan dalam FCY hanya mencakupi 3% daripada bon kerajaan terkumpul, lantas mengehadkan risiko FX. Kedudukan luar negara Malaysia juga kekal kukuh, disokong oleh rizab FCY yang mencukupi dan lebihan akaun semasa yang berterusan. Selain itu, kedudukan pelaburan antarabangsa (*international investment position*, IIP) Malaysia kekal menggalakkan. Setakat akhir tahun 2023, IIP bersih Malaysia mencatat kedudukan aset luaran bersih yang lebih tinggi berjumlah RM119.4 bilion (bersamaan dengan 6.6% daripada KDNK; akhir tahun 2022: RM54.2 bilion atau 3% daripada KDNK). Sementara itu, kedudukan aset luar negeri FCY bersih[11] berjumlah RM1.3 trilion (bersamaan 70.8% daripada KDNK; 2022: RM1.2 trilion, atau 64.5% daripada KDNK). Kedudukan positif bersih ini bertindak sebagai penampan terhadap kejutan luaran kerana penurunan nilai ringgit akan menyebabkan keuntungan penilaian semula kadar FX yang lebih besar untuk negara (rujuk rencana bertajuk 'Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Malaysia' dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023 BNM untuk maklumat lanjut).

[11] Seperti yang diukur oleh aset luaran dalam FCY tolak liabiliti luaran dalam FCY.